



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO		
TARIKH	:	2/8/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	: 17
JABATAN	:	PERHILITAN		

### 2 pemburu haram ditangkap

**Kuantan:** Dua lelaki ditahan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) bersama senapang buatan sendiri yang dipercayai digunakan untuk memburu di Sungai Berakit dalam Hutan Simpan Berkeleah di sini, kelmarin.

Pengarah Perhilitan Pahang, Rozidan Md Yasin berkata, ketika ditahan pihaknya turut menyita kenderaan pacuan empat roda, 10 peluru pistol, 12 peluru

penabur pelbagai jenis, empat burung serindit, tali pinggang peluru dan telefon bimbit milik kedua-dua suspek berusia 43 serta 53 tahun itu.

Menurutnya, hasil soal siasat dilakukan, satu serbuan dilakukan pihaknya di sebuah rumah di Maran.

Katanya, hasil pemeriksaan menemukan sebungkus daging pelanduk, enam burung serindit dan sebahagian anggota landak, beruk

dan lapan utas jerat dawai. "Suspek dan barangan rampasan kemudian dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Maran untuk siasatan lanjut," katanya.

Beliau berkata, pihaknya tidak menolak kemungkinan dua individu terbabit sudah biasa dengan kawasan hutan berkenaan.

Katanya, mengikut Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 individu terbabit boleh didakwa mengikut Seksyen 60(1)(a) menyimpan hi-



EMPAT burung serindit yang dirampas ketika serbuan dilakukan di sebuah rumah di Maran.

dupan liar diperindungi atau Seksyen 29(1)(a) menyimpan apa-apa jerat.

Tambahnya, bagi kesalahan memiliki senapang buatan sendiri dan peluru

individu terbabit boleh didakwa mengikut akta senjata api.